

10 AUG 2003

Mahathir-penggal/I

HAD TEMPOH KETUA TAK SESUAI UNTUK SEMUA PARTI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah mengehadkan tempoh bagi seseorang itu memimpin sesebuah parti tidak sesuai bagi setiap parti politik di negara ini.

Walaupun tempoh seperti itu sesuai untuk MCA, ia tidak semestinya wajar dilaksanakan oleh parti lain, kata Perdana Menteri.

"Pada masa ini, Umno tidak menghadapi (walaupun) saya telah menjadi Presiden Umno selama 22 tahun. Jika kita ada had, saya tak akan jadi presiden (Umno) dan Perdana Menteri (selama itu)," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Agung ke-50 MCA di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, diminta mengulas keputusan MCA mengehadkan tempoh presiden parti itu kepada tidak lebih sembilan tahun atau tiga penggal.

Beliau berkata dengan mengehadkan tempoh masa jawatan pemimpin sesebuah parti ataupun pemimpin sesebuah negara, ia akan menyebabkan pemimpin itu tidak dapat menyumbang kepada pembangunan parti dan negara dalam tempoh masa yang singkat.

Contohnya, jika jawatan pemimpin dipegang untuk tempoh tertentu seperti lima tahun, tahun pertama digunakan untuk belajar selok belok mentadbir negara atau parti, tahun kedua bagi menyesuaikan diri, tahun ketiga bersiap untuk pilihan raya, tahun keempat untuk berkempen dan selepas itu, sudah tiba tahun terakhir perkhidmatan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata bahawa had sembilan tahun bagi Presiden MCA memegang jawatan itu "adalah masa yang cukup untuk melakukan apa yang mereka hendak lakukan".

Cadangan itu diluluskan sebulat suara pada perhimpunan hari ini selepas had tempoh yang serupa bagi ketua-ketua pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu diluluskan semalam.

Mengenai pilihan raya umum, Perdana Menteri menolak spekulasi bahawa ia akan diadakan sebelum beliau bersara Oktober ini.

"Saya tak ada masa. Sehingga Oktober ini, saya akan melawat beberapa negara sebelum saya berundur. Begitu banyak negara mengundang saya," kata Dr Mahathir yang berlepas petang ini bagi lawatan tiga hari ke Algeria sebelum ke Swaziland dan Syria.

Perdana Menteri juga berkata keputusan mengenai 25 kerusi baru Parlimen akan ditentukan selepas perbincangan antara timbalan beliau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan parti-parti komponen BN.

-- BERNAMA

HK AZZ MAI